



PENGATURCARAAN

I.1 KEGUNAAN ATUR CARA KOMPUTER

Apa itu atur cara?

1. Satu set arahan untuk melaksanakan sesuatu.
2. Atur cara komputer dalam komputer benam yang menentukan cara alatan berfungsi.
3. Contoh perkakas adalah mesin basuh, kamera, periuk nasi dan peti sejuk.

Perkakas	Kegunaan Atur Cara Komputer
Peti sejuk	Atur cara komputer membolehkan peti sejuk menjalankan proses penyejukan.
Telefon pintar	Atur cara komputer membolehkan telefon pintar melakukan pelbagai fungsi seperti melayari Internet.
Televisyen	Atur cara komputer membolehkan televisyen melakukan pelbagai fungsi interaktif.


I.2 LANGKAH-LANGKAH AKTIVITI HARIAN DAN SET ARAHAN

1. Aktiviti yang dilakukan seharian mempunyai set arahan dan langkah-langkah tertentu.
2. Setiap langkah perlu dipatuhi supaya dapat hasil yang dikehendaki.
3. Set arahan bagi perkakas dan alatan digital juga mempunyai arahan yang tertentu mengikut urutan bagi mendapatkan hasil.

Contoh 1: Set arahan aktiviti harian


1. Kumpulkan pakaian yang hendak dicuci ke dalam bakul.
2. Masukkan pakaian ke dalam mesin basuh.
3. Masukkan sabun pencuci.
4. Hidupkan suis mesin basuh untuk memulakan proses.
5. Tunggu sehingga mesin basuh selesai membasuh pakaian.
6. Keluarkan pakaian dari mesin basuh dan jemur.

Contoh 2: Set arahan mesin basuh



1.3 SET ARAHAN BAGI AKTIVITI HARIAN

1. Aktiviti seharian mempunyai set arahan yang perlu diikuti untuk mencapai matlamat yang dikehendaki.
2. Berikut merupakan arahan-arahan semasa menggunakan makmal komputer sekolah:



1.4 SET ARAHAN BAGI AKTIVITI HARIAN

1. Perkakasan digital mempunyai satu set arahan yang lengkap.
2. Arahan ini terdapat pada atur cara komputer dalam komputer benamnya.



1. Kesan berat muatan.
2. Tentukan cara basuhan.
3. Mulakan basuhan.
4. Tamatkan basuhan.




1. Tentukan had suhu.
2. Tentukan kelajuan kipas.
3. Mulakan kipas penghembus.
4. Rehatkan pemampat apabila mencapai suhu.



1. Kesan berat beban.
2. Tentukan masa memasak.
3. Mulakan alat pemanas.
4. Matikan alat pemanas.

1.5 PENAMBAHAN ARAHAN DALAM ATUR CARA

1. Fungsi tambahan boleh dilaksanakan oleh perkakas digital dengan cara memasukkan arahan tambahan ke dalam komputer benamnya.



2. Pelbagai fungsi boleh dimasukkan sebagai contoh:
 - (a) Skrin sentuh
 - (b) Sistem pengecaman wajah
 - (c) Kamera web